



KERAJAAN MALAYSIA

Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 4 PENTADBIRAN KONTRAK DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.....	3
1. Perolehan Secara Tender	3
(i) Setuju Terima Tender.....	3
(ii) Kontrak Formal.....	4
(iii) Pentadbiran Kontrak.....	5
(iv) Pemilikan Tapak Dan Permulaan Kerja	14
(v) Bayaran Kemajuan Bagi Kontrak Kerja Selepas Setuju Terima Tawaran Dikeluarkan Tetapi Perjanjian Kontrak Belum Ditandatangani.....	16
2. Perolehan Secara Sebut Harga	16
(i) Setuju Terima Sebut Harga Dan Kontrak Formal	16
(ii) Pentadbiran Kontrak.....	17
3. Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri.....	20
4. Bayaran Terus Kepada Sub Kontraktor Selain Daripada Sub Kontraktor Dinamakan.....	21
5. Syarat Perubahan Harga Di Dalam Kontrak Kerja	22
(i) Am	22
(ii) Kerja-Kerja Binaan Bangunan.....	22
(iii) Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam	23
(iv) Kerja-Kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E)	23
(v) Penetapan Indeks Kos/Harga Unit Asas	24
6. Prosedur Penutupan Akaun Bagi Kontrak Kerja.....	24
(i) Konsep Penutupan Akaun Bagi Kontrak Kerja	24
(ii) Penambahbaikan Kepada Prosedur Penutupan Akaun.....	24
(iii) Penyediaan Penyata Akaun Muktamad Dan Perakuan Muktamad.....	25
7. Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Penguasa Dalam Mengawal Selia Projek Pembangunan Kerajaan	26
(i) Definisi Pegawai Penguasa (P.P.).....	26
(ii) Peranan Dan Tanggungjawab P.P	26
8. Garis Panduan Pelaksanaan Penamatan Bersama (Mutual Termination) Bagi Kontrak Kerja	27
(i) Kriteria Pertimbangan Penamatan Bersama.....	27
(ii) Tatacara Pelaksanaan Penamatan Bersama.....	28
(iii) Tatacara Penyiapan Baki Kerja	29
9. Peraturan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit	30
(i) Definisi Projek Sakit.....	30
(ii) Jawatankuasa Projek Sakit	30
(iii) Tatacara Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit ..	31

10. Garis Panduan Penggunaan Khidmat Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja.....	33
(i) Kriteria Pelaksanaan	33
(ii) Prosedur Mendapatkan Kelulusan.....	36
(iii) Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.....	36
(iv) Hak Milik Kenderaan Dan Peralatan	36
(v) Senarai Inventori	37
11. Keperluan Memasukkan Elemen Service Level Agreement (SLA) Dalam Kontrak Bersama Pembekal Utiliti.....	37
LAMPIRAN.....	38

PK 4 PENTADBIRAN KONTRAK DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Perolehan Secara Tender

(i) Setuju Terima Tender

(a) Surat Niat

- (1) Surat Niat ialah surat yang dihantar kepada petender yang mana kandungannya meliputi kenyataan hasrat/niat untuk menerima tawaran petender tersebut, tertakluk kepada persetujuan syarat-syarat Agensi yang dikehendaki dipatuhi oleh petender sama ada melalui rundingan atau cara-cara lain. Surat Niat ini tidak mengikat kedua-dua pihak kepada satu kontrak.
- (2) Sekiranya Agensi bercadang untuk menerima sesuatu tawaran tetapi dengan beberapa syarat yang mesti dipatuhi oleh petender terlebih dahulu, maka Surat Niat hendaklah dikeluarkan. Contoh format dan kandungan Surat Niat adalah seperti di [Lampiran 4.1](#).

(b) Surat Setuju Terima

- (1) Surat Setuju Terima ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui selepas rundingan dalam Surat Niat dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Sehubungan dengan itu, apa-apa syarat yang telah dipersetujui sebelumnya hendaklah dinyatakan dengan jelas dan persetujuan tersebut merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Surat Setuju Terima ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak.
- (2) Apabila semua perkara telah diselesaikan dan tiada rundingan lanjut diperlukan, Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender.
- (3) Bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan, contoh Surat Setuju Terima adalah di [Lampiran 4.2](#), manakala bagi kontrak kerja, hendaklah menggunakan Borang JKR 203D di [Lampiran 4.3](#).

- (4) Satu ikatan kontrak wujud di antara kedua-dua pihak setelah Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh petender kepada Agensi.
- (5) Surat Setuju Terima hendaklah ditandatangani oleh pegawai awam yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973).

(ii) Kontrak Formal

(a) Peruntukan Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973)

- (1) Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973) menetapkan

“semua kontrak yang dibuat di Malaysia bagi pihak Kerajaan hendaklah, jika diturunkan secara bertulis, dibuat atas nama Kerajaan Malaysia dan akan ditandatangani oleh Menteri atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Menteri, sama ada khususnya dalam mana-mana hal tertentu, atau amnya bagi semua kontrak di bawah suatu nilai yang tertentu dalam agensinya atau selainnya sebagaimana dinyatakan dalam pemberian kuasa itu”.

- (2) Sehubungan dengan peruntukan diatas, Agensi hendaklah memastikan pemberian kuasa telah dibuat secara bertulis oleh Menteri di Kementerian masing-masing kepada Pegawai Pengawal dan pegawai lain yang telah dinamakan (atas jawatan) sebelum kontrak ditandatangani.
- (3) Semua perjanjian kontrak dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengannya atau apa-apa pindaan ke atas perjanjian kontrak yang memerlukan tandatangan hendaklah dibuat dengan menggunakan dakwat hitam yang kekal. Ini adalah untuk mengelakkan tandatangan tersebut menjadi pudar dalam masa yang singkat.

(b) Tempoh Bagi Menandatangani Kontrak

- (1) Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Tarikh kuat kuasa kontrak

(*effective date*) hendaklah dinyatakan sebagai tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani oleh petender yang berjaya manakala tarikh kontrak ialah tarikh kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

(c) Pengedaran dan Penyimpanan Dokumen Kontrak

- (1) Dokumen kontrak yang telah ditandatangani perlu dikemukakan kepada Akauntan Negara atau Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri jika perlu.

(iii) Pentadbiran Kontrak

(a) Pengurusan dan Pentadbiran Kontrak

- (1) Agensi adalah dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak. Ini adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.
- (2) Pemantauan kontrak yang sedang berkuat kuasa hendaklah dilaksanakan dengan teliti dan teratur dari semasa ke semasa bagi mengesan dan mengenal pasti masalah pelaksanaan kontrak dari peringkat awal lagi.

(b) Bon Pelaksanaan

- (1) Bon Pelaksanaan adalah merupakan suatu aku janji tidak bersyarat (*unconditional undertaking*) oleh sesuatu institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan (*ondemand*) sekiranya kontraktor tidak atau gagal mematuhi, memenuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.
- (2) Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:
 - (i) Dua setengah peratus (2.5%) daripadajumlahharga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00;

- (ii) Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00; dan
- (iii) Bagi kontrak bermasa (*periodiccontract*) yang berkuatkuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

CONTOH 1 (Bekalan/Perkhidmatan)

Tempoh Kontrak	:	3 tahun
Nilai Kontrak	:	RM 4.5 juta
Kadar Bon	:	5%

(berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM1.5 juta)

$$\text{Jumlah (RM1.5 juta X 5\%)} = \text{RM75,000.00}$$

CONTOH 2 (Bekalan/Perkhidmatan)

Nilai Kontrak	:	RM800,000.00
Tempoh Kontrak	:	2 tahun
Kadar Bon	:	2.5%

(berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM400,000.00)

$$\text{Jumlah (RM400,000.00 X 2.5\%)} = \text{RM10,000.00}$$

(bukan RM800,000 X 5%=RM40,000 atau
RM400,000 X 5% =RM20,000)

- (3) Bagikontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00 kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak.
- (4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama

ada dalam bentuk:

- (i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

(c) Peraturan Berkenaan Bon Pelaksanaan

- (1) Kontrak Bekalan/Perkhidmatan
 - (i) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk seperti di perenggan 1.(iii)(b)(4).
 - (ii) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
 - (iii) Semua Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans/Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful untuk Bon Pelaksanaan hendaklah menggunakan format dan kandungan seperti di [Lampiran 4.4](#).
- (2) Kontrak Kerja
 - (i) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk seperti di perenggan 1.(iii)(b)(4) atau dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan.

- (ii) Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) ialah satu kemudahan bagi memenuhi keperluan Bon Pelaksanaan WJP bermaksud sejumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani.
- (iii) Jumlah WJP adalah lima peratus (5%) daripada harga keseluruhan kontrak. Kemudahan ini hanya dibenarkan kepada kontraktor kerja tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, Wang Jaminan Pelaksanaan tidak dibenarkan untuk Sub Kontraktor Dinamakan bagi Kerja.
- (iv) Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan bon pelaksanaan seperti diperenggan 1.(iii)(b)(4) pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan diguna pakai. Kontraktor yang memilih/dikenakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada kemajuan pertama dan seterusnya sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan kontrak.
- (v) WJP yang dipotong daripada bayaran kemajuan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun deposit yang dinamakan Wang Jaminan Pelaksanaan (Kod 79507). Satu akaun subsidiari dan senarai lengkap kontraktor berkenaan yang menunjukkan butir terperinci setiap potongan WJP dan baki bulanan dan tahunan hendaklah diselenggarakan secara teratur dan kemas kini.
- (vi) Walau bagaimanapun, pada bila-bila masa di sepanjang pelaksanaan projek tersebut, kontraktor boleh mengemukakan Bon Pelaksanaan seperti diperenggan 1.(iii)(b)(4) dan Agensi berkenaan dikehendaki memulangkan WJP yang ditahan.
- (vii) Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga dua belas(12) bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- (viii) Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan serta-merta hendaklah diambil oleh agensi untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan

dilanjutkan, tidak kira sama ada Kerajaan mengenakan ganti rugi tertentu atau ganti rugi ditetapkan atau lanjutan masa diluluskan.

- (ix) Bon Pelaksanaan hendaklah menggunakan format seperti di **Lampiran 4.5**. Bagi kerja yang dilaksanakan oleh sub kontraktor dinamakan (*nominated subcontractor*) (NSC), NSC hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan kepada kontraktor utama dengan menggunakan format seperti di **Lampiran 4.6**.

(3) Kontrak Antarabangsa

- (i) Kontraktor adalah dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank dalam mata wang yang ditetapkan bagi harga Kontrak daripada bank yang berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia. Format seperti di **Lampiran 4.4** atau **Lampiran 4.5** hendaklah digunakan mengikut mana yang berkaitan.
- (ii) Setelah segala obligasi kontrak selesai, surat pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank seperti di **Lampiran 4.7** hendaklah dikemukakan kepada bank. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.

(d) Mengesahkan Surat Jaminan

- (1) Agensi hendaklah menyemak dengan Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/Syarikat Takaful yang berkenaan tentang kesahihan Bon Pelaksanaan yang dikemukakan kontraktor dengan menggunakan format seperti di **Lampiran 4.8** dan **Lampiran 4.9**.
- (2) Sekiranya terdapat kes pemalsuan Bon Pelaksanaan, Ketua Agensi hendaklah membuat laporan polis supaya tindakan dapat diambil kerana kes pemalsuan sedemikian adalah merupakan kes jenayah. Bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan, Ketua Agensi dikehendaki melaporkan segera kepada Perbendaharaan dan bagi kontrak kerja, hendaklah melaporkan segera kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

(e) Pelepasan Bon Pelaksanaan

- (1) Kontrak Bekalan/Perkhidmatan
 - (i) Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai. Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/Jaminan Takaful seperti di **Lampiran 4.7** hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.
 - (ii) Bagi perkhidmatan dan barang guna habis (*consumable item*), Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan lebih awal sekiranya Agensi berpuas hati segala obligasi kontrak selesai dan tiada sebarang tuntutan yang akan dibuat.
- (2) Kontrak Kerja
 - (i) Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/Jaminan Takaful
 - (a) Sebaik sahaja Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, Agensi boleh mengurangkan nilai Bon Pelaksanaan yang asal sebanyak lima puluh peratus (50%).
 - (b) Agensi dikehendaki memaklumkan secara bertulis tentang perkara ini dan kontraktor berkenaan hendaklah menggantikan Jaminan yang asal dengan Jaminan baru yang nilainya bersamaan dengan lima puluh peratus (50%) dari Jaminan asal.
 - (c) Setelah Jaminan baru ini diterima, Agensi hendaklah melepaskan Bon Pelaksanaan yang asal kepada kontraktor berkenaan.
 - (ii) Wang Jaminan Pelaksanaan
 - (a) Agensi boleh memulangkan sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada nilai Wang Jaminan

Pelaksanaan yang ditahan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

- (b) Baki Wang Jaminan Pelaksanaan sebanyak lima puluh peratus (50%) lagi boleh dipulangkan sekiranya kontraktor dapat mengemukakan Jaminan seperti di perenggan 1.(iii)(b)(4) yang sama nilai dengan Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan.
- (iii) Baki Bon Pelaksanaan sebanyak lima puluh peratus (50%) lagi hendaklah dilepaskan/dipulangkan dua belas (12) bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian.
- (iv) Setelah segala obligasi kontrak selesai, Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran 4.7** hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.

(f) Bayaran Pendahuluan

- (1) Bayaran Pendahuluan adalah dibenarkan kepada kontraktor tempatan sahaja. Kemudahan bayaran pendahuluan ini tidak terpakai kepada Kontrak Pusat, kontrak yang dibuat secara berpusat (Kontrak Kementerian) oleh mana-mana agensi Kerajaan (*Ministerial Central Contract*) dan perkhidmatan perunding.
- (2) Semua Bayaran Pendahuluan hendaklah dicajkan terus kepada Vot projekberkenaan.
- (3) Akaun subsidiari pendahuluan kontraktor hendaklah diselenggarakan bagi mengakaun Bayaran Pendahuluan yang telah diselaraskan melalui pembayaran balik yang dibuat.

(g) Had Nilai, Syarat dan Peraturan Bagi Bayaran Pendahuluan

- (1) Kontrak bekalan dan perkhidmatan
 - (i) Bagi pembuat atau pembekal tempatan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah.
 - (ii) Bagi pembekal perkhidmatan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 15% daripada nilai kontrak atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah.
 - (iii) Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
 - (a) Surat Setuju Terima telah ditandatangani dan dikembalikan;
 - (b) Bon Pelaksanaan telah dikemukakan;
 - (c) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan; dan
 - (d) Jaminan bagi bayaran pendahuluan telah dikemukakan.
- (2) Kontrak Kerja
 - (i) Bagi kontraktor utama, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (*builder's work*) atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah.
 - (ii) Bagi sub kontraktor Dinamakan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 20% daripada nilai kontrak Sub kontraktor Dinamakan atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah.
 - (iii) Jaminan bagi kontraktor utama dan NSC hendaklah dibuat secara berasingan dan mengikut nilai yang ditetapkan.

- (iv) Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan untuk kemudahan bayaran pendahuluan berserta jaminan bagi bayaran pendahuluan secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada tiga bulan selepas penyerahan tapak.
 - (v) Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
 - (a) Surat Setuju Terima telah ditandatangani dan dikembalikan;
 - (b) Bon Pelaksanaan telah dikemukakan;
 - (c) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan; dan
 - (d) Jaminan bagi bayaran pendahuluan telah dikemukakan.
- (3) Syarat-syarat dan Peraturan Bagi Bayaran Pendahuluan
- (i) Jaminan bagi bayaran pendahuluan hendaklah dikemukakan dalam bentuk seperti di perenggan 1.(iii)(b)(4) yang tidak boleh batal (*irrevocable*) dan yang sama nilainya dengan bayaran pendahuluan.
 - (ii) Bayaran balik pendahuluan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja atau mengikut peringkat bekalan yang telah disempurnakan.
 - (iii) Bagi kontrak kerja, Pegawai Penguasa hendaklah memastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%. Bagi kontrak bekalan/ perkhidmatan, Pentadbir Kontrak hendaklah memastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat diselesaikan selewat-lewatnya melalui bayaran terakhir setelah semua bekalan/ perkhidmatan disempurnakan dengan sepenuhnya. Tempoh pembayaran balik Bayaran Pendahuluan ini tidak boleh melebihi keseluruhan tempoh kontrak.

- (iv) Tempoh sah laku Jaminan tersebut untuk Bayaran Pendahuluan bagi kontrak mestilah meliputi tempoh kontrak atau ke satu tempoh lanjutan yang diluluskan dan akan dilepaskan apabila segala potongan selesai dibuat mengikut mana yang terdahulu.
- (v) Agensi adalah dikehendaki supaya hanya menerima format Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/Jaminan Bank Islam/Jaminan Takaful seperti di **Lampiran 4.10** dan **4.11**.
- (vi) Agensi adalah dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak untuk menentukan sekiranya pihak kontraktor gagal, Bayaran Pendahuluan yang belum dibayar balik dapat dituntut daripada bank/syarikat kewangan/syarikat insurans/syarikat takaful yang mengeluarkan Jaminan tersebut yang telah dikemukakan oleh kontraktor dalam tempoh sah lakunya.
- (vii) Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/Jaminan Bank Islam/Jaminan Takaful yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah disahkan oleh Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans/Bank Islam/ Syarikat Takaful yang mengeluarkannya dan tidak boleh membatalkannya.

(iv) Pemilikan Tapak Dan Permulaan Kerja

(a) Tarikh Milik Tapak

- (1) Agensi hendaklah menetapkan tarikh milik tapak tidak melebihi empat (4) minggu selepas tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani bergantung kepada nilai dan kompleksiti projek berkenaan. Kontraktor dikehendaki memulakan kerja tidak lewat daripada dua (2) minggu selepas tarikh milik tapak.

(b) Permulaan Kerja

- (1) Permulaan kerja bermaksud kontraktor memulakan kerja-kerja awalan (*preliminaries*) ditapak projek berkenaan, seperti membekalkan peralatan dan bahan-bahan binaan, meratakan tanah di tapak projek, membina pejabat tapak serta mendapatkan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air dan kerja-kerja awalan lain yang dijelaskan dalam dokumen tender/kontrak.

- (2) Sekiranya kontraktor tidak memulakan kerja-kerja awalan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh milik tapak yang ditetapkan, Kerajaan berhak untuk menamatkan pengambilan kerja kontrak tersebut dan tindakan boleh diambil terhadap kontraktor berkenaan. Walau bagaimanapun, tindakan ini tidak perlu diambil sekiranya kelewatan memasuki tapak itu adalah berpunca daripada sebab-sebab di luar kawalan kontraktor.
- (3) Sekiranya pengambilan kerja kontrak tersebut ditamatkan disebabkan kegagalan memulakan kerja, Agensi berkenaan perlu mengemukakan semula kertas-kertas tender projek tersebut kepada pihak berkuasa asal yang meluluskan tender untuk memilih kontraktor lain.
- (4) Sekiranya tempoh sah laku tender hampir luput, Agensi hendaklah mendapatkan persetujuan daripada petender-petender yang telah membuat tawaran untuk melanjutkan tempoh sah laku tender dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan yang berkenaan.
- (5) Sekiranya tempoh sah laku tender telah tamat, tender hendaklah dipelawa semula dengan segera.
- (6) Agensi hendaklah melaporkan sebarang penamatan kontrak kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk tindakan sewajarnya dan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.
- (7) Agensi hendaklah memasukkan perkara di perenggan 1.(iv)(b)(1) dan 1.(iv)(b)(2) ke dalam dokumen tender dan kontrak. Syarat tersebut akan menjadi amaran awal kepada semua petender yang mengambil bahagian dan seterusnya hanya kontraktor yang benar-benar layak sahaja memasuki tender projek-projek Kerajaan.

(v) Bayaran Kemajuan Bagi Kontrak Kerja Selepas Setuju Terima Tawaran Dikeluarkan Tetapi Perjanjian Kontrak Belum Ditandatangani

- (a) Bayaran kemajuan kepada kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja boleh dibayar hingga tiga (3) bayaran kemajuan dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima tawaran dan sebelum perjanjian ditandatangani secara rasmi.
- (b) Kemudahan ini adalah dengan syarat kontraktor berkenaan memenuhi syarat-syarat berikut:-
 - (1) surat setuju terima tawaran telah ditandatangani dan dikembalikan;
 - (2) bon pelaksanaan telah dikemukakan; dan
 - (3) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan.
- (c) Bayaran kemajuan itu akan hanya dibayar selepas Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam perjanjian kontrak atau pegawai lain yang diberi kuasa olehnya berpuas hati bahawa kontraktor telah melaksanakan kerjanya dengan baik dan telah mencapai tahap kemajuan kerja yang setimpal seperti mana disyaratkan.
- (d) Bagi membolehkan Pejabat Pembayaran yang berkenaan membuat bayaran ini, Kementerian/Jabatan yang berkenaan apabila mengemukakan baucar kepada pihak tersebut hendaklah melampirkan salinan dokumen-dokumen seperti di perenggan 1.(v)(b).
- (e) Bayaran kemajuan yang seterusnya akan hanya dibuat selepas perjanjian kontrak yang rasmi ditandatangani.

2. Perolehan Secara Sebut Harga

(i) Setuju Terima Sebut Harga Dan Kontrak Formal

(a) Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga

- (1) Setelah menerima keputusan Jawatankuasa Sebut Harga, pesanan Kerajaan/inden kerja hendaklah dikeluarkan dengan segera kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang berjaya. Contoh inden kerja di [Lampiran 4.12](#).

- (2) Bagi bekalan/perkhidmatan/kerja di mana kontrak formal tidak sesuai, memadai pesanan Kerajaan atau inden kerja dikeluarkan. Walau bagaimanapun, dokumen sebut harga hendaklah disertakan bersama pesanan tempatan atau inden supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya.
- (3) Agensi hendaklah mengadakan satu kontrak formal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa atau perolehan kerja, yang mana berkenaan, untuk ditandatangani selaras dengan AP 176.1 (c).

(ii) Pentadbiran Kontrak

(a) Pengurusan dan Pentadbiran Kontrak

- (1) Agensi hendaklah memastikan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi perolehan yang diuruskan secara sebut harga juga diberi perhatian yang serius. Ini adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.

(b) Bon Pelaksanaan

- (1) Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM200,000 mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM200,000 Bon Pelaksanaan adalah dikecualikan. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan bagi kontrak kerja, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa.

(c) Bayaran Pendahuluan

- (1) Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan
 - (i) Bagi pembuat atau pembekal tempatan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM100,000 mengikut mana yang lebih rendah; dan
 - (ii) Bagi pembekal perkhidmatan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 15% daripada nilai kontrak atau maksimum RM50,000 mengikut mana yang lebih rendah.

(2) Kontrak kerja

- (i) Bagi kontrak kerja, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (*builder's work*) atau maksimum RM100,000 mengikut mana yang lebih rendah.
- (ii) Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
 - (a) Dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000;
 - (b) Inden Kerja/Pesanan Kerajaan telah ditandatangani dan dikeluarkan;
 - (c) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan;
 - (d) Jaminan bagi bayaran pendahuluan bagi bekalan/perkhidmatan/kerja hendaklah dikemukakan seperti ditetapkan dalam AP 200.2 (b). Jaminan hendaklah sama nilainya dengan bayaran pendahuluan;
 - (e) Bayaran pendahuluan hendaklah dipohon pada peringkat awal kontrak dan tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja/Pesanan Kerajaan di mana berkaitan; dan
 - (f) Bayaran pendahuluan tidak dibenarkan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja jika tempoh penghantaran perkhidmatan/siap kerja tidak melebihi tiga (3) bulan.

(3) Bayaran Balik Pendahuluan

- (i) Bayaran balik pendahuluan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja atau mengikut peringkat bekalan yang telah disempurnakan. Bagi kontrak kerja, potongan hendaklah selesai dibuat selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%. Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan juga, potongan hendaklah selesai pada tahap 75% bekalan atau perkhidmatan disempurnakan.

(d) Bayaran Interim/Kemajuan Bagi Kontrak Kerja

- (1) Kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja secara sebut harga boleh diberi bayaran interim/kemajuan sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

(e) Perubahan Dan Perlanjutan Tempoh Kontrak Untuk Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan

- (1) Perubahan kontrak dan perlanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sebut harga asal dengan syarat-syarat berikut:
 - (i) Dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000;
 - (ii) Kontrak masih berkuat kuasa semasa perlanjutan tempoh kontrak dipertimbangkan;
 - (iii) Perubahan kontrak dan perlanjutan tempoh kontrak tidak melibatkan perubahan kadar harga dan syarat-syarat lain dalam kontrak;
 - (iv) Perlanjutan tempoh kontrak hanya diberi sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga dua (2) tahun; dan
 - (v) Bagi kontrak bekalan, tambahan kuantiti tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada nilai maksimum RM250,000 dengan syarat jumlah keseluruhan tambahan ini dan nilai kontrak asal tidak melebihi RM750,000 atau
 - (vi) Bagi kontrak perkhidmatan, nilai tambahan tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada nilai maksimum RM250,000 dengan syarat jumlah tambahan ini dan nilai kontrak asal tidak melebihi RM750,000.

(f) Perubahan Kerja dan Pelanjutan Masa Untuk Kontrak Kerja

- (1) Perubahan kerja dibenarkan sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga diperolehi terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal; dan

- (ii) Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM100,000 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM100,000 hendaklah dirujuk untuk kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.
- (iii) Definisi dan kriteria Perubahan Kerja adalah sama seperti ditetapkan dalam AP 202.
- (iv) Pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

3. Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri

(i) Kuasa Untuk Menandatangani Kontrak

- (a) Semua kontrak hendaklah ditandatangani oleh Ketua Perwakilan bagi negara yang berkenaan.

(ii) Kuasa Untuk Meluluskan Arahan Perubahan (*Variation Order*) Bagi Kontrak Kerja

- (a) Sebelum arahan perubahan diluluskan, Ketua Perwakilan hendaklah memastikan bahawa perubahan-perubahan yang dibuat adalah benar-benar diperlukan dan ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung tambahan tersebut.
- (b) Pihak berkuasa bagi meluluskan perubahan tersebut adalah seperti berikut:-

	NILAI PERUBAHAN	PIHAK BERKUASA
(1)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM7 juta dan perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 30%, ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM7 juta tetapi perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM2 juta	Ketua Perwakilan di negara yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang tidak rendah dari M2 atau yang setaraf dengannya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Perwakilan
(2)	Dalam semua hal lain	Ketua Setiausaha Perbendaharaan

4. Bayaran Terus Kepada Sub Kontraktor Selain Daripada Sub Kontraktor Dinamakan

- (i) Agensi dibenarkan membuat bayaran terus kepada sub kontraktor, selain daripada Sub Kontraktor Dinamakan (NSC), tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) bayaran kemajuan boleh dibuat terus kepada sub kontraktor sehingga 90% daripada jumlah nilai kerja sub kontraktor berkenaan;
 - (b) baki sebanyak 10% lagi hendaklah dibayar kepada Kontraktor Utama selepas CPC dikeluarkan dan Agensi hendaklah memastikan Kontraktor Utama membayar sub kontraktor selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan;
 - (c) syarat bayaran terus kepada sub kontraktor hendaklah dimasukkan ke dalam dokumen tender dan dokumen kontrak;
 - (d) sub kontraktor yang berkenaan hendaklah berdaftar dalam gred yang bersesuaian, bertaraf Bumiputera dan kontraktor tempatan yang beroperasi di kawasan/daerah di mana projek dilaksanakan;
 - (e) syarat bayaran terus kepada sub kontraktor hendaklah juga dimasukkan dalam Surat Setuju Terima (LOA) kepada kontraktor yang berjaya dan kontraktor dikehendaki mengemukakan senarai lengkap sub kontraktornya semasa mengembalikan LOA yang ditandatangani;
 - (f) kontraktor utama dikehendaki menandatangani Surat Ikatan Serah Hak (*deed of assignment*) dengan sub kontraktor untuk bayaran bagi skop dan nilai kerja yang dilaksanakan oleh sub kontraktor berkenaan mengikut format seperti di [Lampiran 4.13](#) dan [Lampiran 4.14](#);
 - (g) agensi hendaklah memastikan tiada penyerahan hak bayaran dibuat oleh kontraktor utama kepada pihak lain bagi projek selain senarai subkontraktor yang dibekalkan;
 - (h) kontraktor utama tidak boleh meminda senarai sub kontraktornya kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis daripada Kerajaan; dan
 - (i) kontrak hendaklah mempunyai klausa indemnity bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

5. Syarat Perubahan Harga Di Dalam Kontrak Kerja

(i) Am

- (a) Kaedah pengiraan perubahan harga adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008 bagi projek yang dilaksanakan secara kontrak konvensional.
- (b) Syarat perubahan harga bagi kontrak secara konvensional termasuk Kerja-Kerja Binaan Bangunan, Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam dan Kerja-Kerja Mekanikal dan Elektrikal hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - (1) Hanya boleh dilaksanakan semasa tempoh kontrak berkuat kuasa; dan
 - (2) Memastikan kuantiti bahan-bahan dan nilai kerja setiap bulan yang digunakan sebagai asas pengiraan perubahan harga merupakan kuantiti dan nilai yang tepat dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

(ii) Kerja-Kerja Binaan Bangunan

- (a) Kaedah pengiraan perubahan harga untuk kerja-kerja binaan bangunan adalah berasaskan kepada Indeks Kos 14 Bahan Binaan Bangunan dan Harga Unit Besi. Maklumat terperinci dijelaskan dalam **Lampiran 4.15 - A/BW/K-B(2008)**.
- (b) Dalam menguruskan syarat perubahan harga ini, perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan oleh Agensi.
 - (1) Memasukkan peruntukan khas kepada syarat-syarat kontrak ke dalam dokumen tender/kontrak seperti di **Lampiran 4.15 - A/BW/K-B(2008)**.
 - (2) Nilai yang diambilkira dalam pengiraan perubahan harga adalah nilai kerja pembina (*builder's work*) sahaja.
 - (3) Kerja-kerja membaiki, mengubahsuai dan meroboh bangunan tidak layak diberi perubahan harga. Walau bagaimanapun bagi kerja-kerja ubahsuai yang melibatkan kerja sambungan yang menyerupai bangunan lengkap dengan asas, dinding dan bumbung dan jika jumlah nilainya merupakan sebahagian utama iaitu melebihi 50% daripada jumlah nilai kerja membaiki, kerja sambungan dan mengubahsuai sesebuah bangunan, maka semua kerja

membaiki dan mengubahsuai adalah tertakluk kepada syarat perubahan harga ini. Kategori bagi kerja-kerja seperti ini hendaklah mengikut kategori jenis bangunan sambungan yang berkenaan.

(c) Perubahan Harga Untuk 14 Bahan Binaan

- (1) Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan digubal dan ditetapkan mengikut 8 kategori bangunan seperti di **Appendix A** kepada **Lampiran 4.15-A/BW/K-B(2008)**. Kategori bangunan hendaklah ditentukan semasa menyediakan dokumen tender/kontrak dan dijadikan sebagai asas pengiraan dalam tender sebagaimana contoh format di **Lampiran 4.18**. Format tersebut hendaklah kemudiannya dijadikan sebagai sebahagian daripada dokumen kontrak.

(d) Perubahan Harga Untuk Besi

- (1) Pelaksanaan perubahan harga untuk besi adalah berasaskan kepada perubahan harga unit besi, tertakluk kepada kuantiti maksimum yang ditetapkan. Maklumat terperinci dijelaskan dalam **Lampiran 4.15 -A/BW/K-B(2008)**.

(iii) Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam

- (a) Kaedah pengiraan perubahan harga untuk kerja-kerja kejuruteraan awam adalah berasaskan kepada perubahan harga unit bagi 11 bahan binaan. Maklumat terperinci dijelaskan dalam **Lampiran 4.16 -B/CW/K-B(2008)**.
- (b) Dalam menguruskan syarat perubahan harga ini Agensi hendaklah memasukkan peruntukan khas kepada syarat-syarat kontrak ke dalam dokumen tender/kontrak seperti di **Lampiran 4.16 -B/CW/K-B(2008)**.

(iv) Kerja-Kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E)

- (a) Pelaksanaan perubahan harga untuk kerja-kerja M&E adalah berasaskan kepada Indeks Kos Komponen. Maklumat terperinci dijelaskan dalam **Lampiran 4.17 -C/ME/K-B (2008)**.
- (b) Indeks Kos Komponen digubal dan ditetapkan mengikut tujuh (7) kategori komponen utama seperti di **Appendix A** kepada **Lampiran 4.17 -C/ME/K-B (2008)**.

- (c) Agensi hendaklah memasukkan peruntukan khas kepada syarat-syarat kontrak ke dalam dokumen tender/kontrak seperti di [Lampiran 4.17- C/ME/K-B \(2008\)](#).

(v) Penetapan Indeks Kos/Harga Unit Asas

- (a) Bagi pengiraan perubahan harga, bulan tender ditutup seperti dijelaskan dalam [Lampiran 4.15 -A/BW/K-B\(2008\)](#), [Lampiran 4.16 -B/CW/K-B\(2008\)](#) dan [Lampiran 4.17 -C/ME/K-B\(2008\)](#) adalah juga bermaksud bulan harga muktamad dipersetujui oleh Jawatankuasa Rundingan Harga Agensi untuk perolehan yang diuruskan secara rundingan terus.

6. Prosedur Penutupan Akaun Bagi Kontrak Kerja

(i) Konsep Penutupan Akaun Bagi Kontrak Kerja

- (a) Selaras dengan Syarat-syarat Kontrak Kerajaan, bayaran akhir hendaklah dibuat berdasarkan Perakuan Muktamad yang diluluskan selepas pengeluaran Perakuan Siap Membaiki Kecacatan atau Perakuan Siap Kerja Penyelenggaraan (bagi Kontrak Reka dan Bina), yang mana terkemudian. Proses kerja penutupan akaun serta tempoh penyediaan Perakuan Muktamad mengikut kontrak kerja adalah seperti berikut:-
 - (1) Bagi projek konvensional, proses dan tempoh penyediaan adalah seperti di [Lampiran 4.19](#) & [Lampiran 4.20](#); dan
 - (2) Bagi projek Reka dan Bina, proses dan tempoh penyediaan adalah seperti di [Lampiran 4.21](#) & [Lampiran 4.22](#).

(ii) Penambahbaikan Kepada Prosedur Penutupan Akaun

- (a) Bagi mempercepatkan prosedur penutupan akaun, Agensi hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:-
 - (1) Membuat penilaian muktamad bagi Perubahan Kerja yang telah diluluskan, pengukuran semula kuantiti sementara dan pelarasan-pelarasan lain yang perlu dibuat di bawah kontrak seperti Perubahan Harga, Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara sebaik sahaja kerja/perkara berkenaan siap dilaksanakan dan seterusnya mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus dengan segera;

- (2) Menasihatkan kontraktor untuk mengemukakan butir-butir tuntutan berserta bukti-bukti berkaitan pada bila-bila masa selepas berakhirnya kejadian yang menyebabkan kontraktor mengalami kerugian atau perbelanjaan tambahan, tanpa menunggu projek siap sepenuhnya. P.P. hendaklah membuat penilaian ke atas tuntutan kontraktor (dengan syarat kontraktor memenuhi kehendak kontrak) dan seterusnya mengemukakan kepada Jawatankuasa Tuntutan yang berkenaan. Jawatankuasa Tuntutan hendaklah mempertimbangkan tuntutan kontraktor setakat mana yang boleh dinilai mengikut syarat-syarat kontrak. Tuntutan yang tidak mematuhi syarat-syarat kontrak atau yang tidak layak dipertimbangkan hendaklah ditolak dan dimaklumkan oleh P.P. kepada kontraktor dengan seberapa segera; dan
- (3) Bayaran interim seterusnya boleh dibuat selepas Perakuan Siap Kerja (PSK) sehingga Perakuan Muktamad (Borang JKR 66A) dikeluarkan supaya kontraktor dibayar bagi semua kerja-kerja dan kos yang layak dibayar kepadanya mengikut kontrak termasuk semua tuntutan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, tarikh penilaian Perakuan Bayaran Interim (Borang JKR 66) hendaklah sama dengan tarikh PSK.

(iii) Penyediaan Penyata Akaun Muktamad Dan Perakuan Muktamad

- (a) Dengan mengambil kira pelarasan Harga Kontrak yang dikeluarkan termasuk tuntutan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan, Agensi hendaklah menyediakan **Penyata Akaun Muktamad** (*Statement of Final Account*) dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

Jenis Kontrak	Tempoh masa penyediaan
(1) Kontrak Konvensional	9 bulan daripada tarikh PSK
(2) Kontrak Reka dan Bina	12 bulan daripada tarikhPSK

- (b) Penyata Akaun Muktamad yang disediakan dalam tempoh yang ditetapkan di perenggan (a) di atas tidak perlu dikemukakan kepada kontraktor untuk persetujuan dan boleh dibuat bayaran interim menggunakan Borang JKR 66. Walau bagaimanapun, P.P. hendaklah membuat potongan atau menahan sejumlah amaun dari wang yang akan dibayar kepada kontraktor sebagai kos untuk memperbaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh kontraktor di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

- (c) Penyata Akaun Muktamad yang telah disediakan di perenggan (a) di atas hendaklah dimuktamadkan setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, yang mana terkemudian. Penyata Akaun Muktamad hendaklah mengambil kira semua bayaran atau perbelanjaan Kerajaan atau potongan yang dibenarkan di bawah kontrak dan segala tuntutan kontraktor yang belum dibayar. P.P. hendaklah mengeluarkan **Perakuan Muktamad (Borang JKR 66A)** berdasarkan Penyata Akaun Muktamad yang menyatakan baki bayaran daripada Kerajaan kepada kontraktor atau daripada kontraktor kepada Kerajaan.

7. Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Penguasa Dalam Mengawal Selia Projek Pembangunan Kerajaan

(i) Definisi Pegawai Penguasa (P.P.)

- (a) P.P. adalah pegawai yang dilantik oleh Agensi Pelaksana untuk bertanggungjawab mengawal selia dan memberi arahan kerja menurut peruntukan perjanjian berasaskan Borang Standard JKR 203. Kontraktor hendaklah berurusan dengan P.P. sahaja bagi semua perkara berkaitan kerja.
- (b) Seboleh-bolehnya Agensi Pelaksana hendaklah memastikan P.P. yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang layak terutamanya dari kalangan Pegawai Teknikal. Selain itu, P.P. juga dibenarkan untuk melantik secara bertulis mana-mana pegawai yang bersesuaian sebagai Wakil P.P. untuk melaksanakan tugas-tugas P.P.

(ii) Peranan Dan Tanggungjawab P.P

- (a) Sebagai wakil Kerajaan untuk mengawal selia dan memberi arahan berkaitan dengan kerja menurut peruntukan kontrak, P.P. atau Wakil P.P. telah diberi kuasa dan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara seperti berikut:
 - (1) Penyeliaan, pemantauan kemajuan dan rekod tapak bina;
 - (2) Bayaran pendahuluan, perakuan interim dan potongan cukai pegangan (sekiranya ada);
 - (3) Penilaian perubahan kerja dan akaun muktamad;

- (4) Kelambatan dan lanjutan masa;
- (5) Penyiapan kerja, penyerahan kerja dan kecacatan;
- (6) Perakuan kerja tidak siap;
- (7) Subkontraktor dinamakan; dan
- (8) Penamatan pengambilan kerja kontraktor.

Garis Panduan Peranan Dan Tanggungjawab P.P.adalah seperti di [Lampiran 4.23](#).

8. Garis Panduan Pelaksanaan Penamatan Bersama (Mutual Termination) Bagi Kontrak Kerja

(i) Kriteria Pertimbangan Penamatan Bersama

- (a) Penamatan Bersama bagi sesuatu kontrak kerja boleh dipohon oleh pihak Kerajaan atau kontraktor. Penamatan Bersama kontrak kerja bagi projek Kerajaan hanya akan dipertimbangkan apabila Agensi Pelaksana telah memastikan bahawa obligasi sesuatu kontrak tidak dapat dilaksanakan selepas kontrak ditandatangani.
- (b) Penamatan Bersama tidak boleh dipertimbangkan atas sebab ketidakmampuan kontraktor ataupun kemungkiran kontraktor dalam melaksanakan tanggungjawab kontraknya. Mana-mana penjawat awam yang bersetuju dengan Penamatan Bersama dalam keadaan ini boleh ditafsirkan sebagai menyalahgunakan kuasa dengan membantu melepaskan kontraktor daripada melaksanakan tanggungjawab kontraknya dan boleh dikenakan tindakan tatatertib/surcaj.
- (c) Bagi mengelakkan kerugian di pihak Kerajaan dalam pentadbiran kontrak kerja, Penamatan Bersama hanya boleh dipertimbangkan dalam keadaan-keadaan berikut:
 - (1) masalah pengambilan tanah yang berterusan bagi keseluruhan atau sebahagian daripada projek yang mana menyebabkan kerja-kerja sesuatu projek tidak dapat disiapkan;

- (2) masalah peruntukan kewangan di pihak Kerajaan menyebabkan Kerajaan memutuskan supaya projek tidak diteruskan;
- (3) Agensi Pelaksana telah memastikan bahawa projek tidak dapat diteruskan sama ada secara undang-undang mahupun secara fizikal selepas kontrak diikat;
- (4) selaras dengan peruntukan perjanjian berasaskan Borang Standard JKR 203 yang telah memperuntukkan klausa-klausa yang membolehkan Penamatan Bersama, seperti berikut:
 - (i) pemakaian klausa berkaitan *Force Majeure* disebabkan peristiwa yang terjadi di luar kawalan kedua-dua belah pihak yang menyebabkan pelaksanaan sesuatu projek itu menjadi mustahil setelah kontrak sesuatu projek itu diikat. Kejadian berlaku mestilah tidak disebabkan oleh kemungkiran mana-mana pihak kepada sesuatu kontrak tersebut; dan
 - (ii) pemakaian klausa Arahan Penangguhan Kerja yang mana Kerajaan terpaksa memberi Arahan Penangguhan Kerja selama 12 bulan berturut-turut atas sebab-sebab tertentu.

(ii) Tatacara Pelaksanaan Penamatan Bersama

- (a) Demi memelihara kepentingan Kerajaan dan memastikan Penamatan Bersama tidak dilaksanakan sewenang-wenangnya, Penguasa Projek (P.P) hendaklah membentangkan cadangan Penamatan Bersama tersebut kepada Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) di Kementerian masing-masing. Cadangan Penamatan Bersama tersebut hendaklah dibentangkan dengan menggunakan format Laporan Cadangan Penamatan Bersama seperti di [Lampiran 4.24](#).
- (b) Penubuhan dan keanggotaan JKPS di setiap Kementerian adalah berdasarkan peraturan berkaitan yang berkuat kuasa. Sekiranya perlu, JKPS boleh menjemput Penasihat Undang-Undang Kementerian atau wakilnya untuk hadir sama dalam mesyuarat JKPS tersebut untuk memberi pandangan dari segi perundangan.
- (c) JKPS hendaklah mengkaji syor yang dibentangkan oleh P.P dan membuat keputusan sebulat suara. Pegawai Yang Diberi Kuasa

hendaklah mematuhi keputusan JKPS dan seterusnya mengambil tindakan penamatan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kontrak. Keputusan JKPS hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat. Keputusan JKPS yang tidak sebulat suara hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

- (d) Setelah JKPS memutuskan Penamatan Bersama boleh dilaksanakan, Pegawai Yang Diberi Kuasa hendaklah mengambil tindakan berikut:
- (1) memaklumkan secara bertulis kepada kontraktor akan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan Penamatan Bersama dan mengadakan rundingan, sekiranya perlu;
 - (2) memaklumkan secara bertulis melalui surat rasmi kepada kontraktor untuk mengemukakan segala tuntutan mengikut kepala-kepala tuntutan berdasarkan terma-terma asas Perjanjian Penamatan Bersama dengan syarat kontraktor perlu membuktikannya terlebih dahulu;
 - (3) membuat penilaian ke atas tuntutan kontraktor tersebut dan mendapat kelulusan berkaitan daripada Jawatankuasa Tuntutan sebagai mana yang diperuntukkan dalam Arahan Perbendaharaan (AP) 2002.2 Jadual III(e);
 - (4) memaklumkan kepada kontraktor jumlah nilai tuntutan yang diluluskan untuk mendapatkan persetujuan kontraktor; dan
 - (5) Agensi hendaklah menyediakan satu Perjanjian Penamatan Bersama yang mengandungi terma-terma asas seperti di [Lampiran 4.25](#) bagi melindungi hak serta kepentingan Kerajaan dan seterusnya mendapatkan kelulusan Penasihat Undang-Undang (PUU) Agensi berkenaan.
- (e) Contoh perjanjian Penamatan Bersama boleh diperolehi daripada Jabatan Kerja Raya.

(iii) Tatacara Penyiapan Baki Kerja

- (a) Kontraktor bagi menyiapkan projek-projek yang telah ditamatkan hendaklah dipelawa mengikut kaedah yang berkuat kuasa.

9. Peraturan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit

(i) Definisi Projek Sakit

- (a) Projek Sakit didefinisikan sebagai projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya.

(ii) Jawatankuasa Projek Sakit

- (a) Bagi menangani masalah projek sakit, Kementerian/Agensi Teknikal hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) dengan keahlian seperti berikut:

(1) Peringkat Kementerian

Pengerusi : Pegawai Pengawal/Ketua Setiausaha Kementerian

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Setiausaha

- Ahli :
- (i) Wakil Kementerian Kewangan
 - (ii) Wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
 - (iii) Wakil Jabatan Kerja Raya
 - (iv) Wakil Pusat Khidmat Kontraktor Kementerian Kerja Raya

(2) Peringkat Agensi Teknikal

Pengerusi : Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR)/
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah JKR/JPS

- Ahli :
- (i) Wakil Kementerian Kewangan
 - (ii) Wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
 - (iii) Wakil Pusat Khidmat Kontraktor Kementerian Kerja Raya
 - (iv) Wakil Agensi Pelanggan

- (b) Korum JKPS adalah seramai tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Kehadiran wakil Kementerian Kewangan (Bahagian Perolehan Kerajaan) adalah diwajibkan.
- (c) JKPS berperanan untuk meneliti laporan Projek Sakit yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa dan boleh mengambil tindakan berikut:
 - (1) bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya **masih berupaya** menyiapkan kerjanya, JKPS boleh mengesyorkan langkah-langkah pemulihan untuk diambil oleh Pegawai Penguasa bagi membantu kontraktor menyiapkan kerjanya; atau
 - (2) bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya **tidak berupaya** menyiapkan kerjanya, JKPS boleh memperakukan kepada Pegawai Yang Dinamakan dalam kontrak untuk penamatan kontraktor selaras dengan syarat-syarat kontrak dan JKPS hendaklah melantik kontraktor penyiap bagi projek yang ditamatkan.
- (d) Laporan Projek Sakit yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa hendaklah menggunakan format di [Lampiran 4.26](#).

(iii) Tatacara Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit

- (a) JKPS boleh memperakukan penamatan kontraktor bagi mana-mana projek sakit yang telah menepati definisi projek sakit di Perenggan 9.(i) setelah mengambil kira pandangan dan syor daripada Pegawai Penguasa/Pegawai Yang Dinamakan. Sehubungan itu, Pegawai Penguasa/Pegawai Yang Dinamakan dalam kontrak perjanjian sewajarnya dipanggil untuk membentangkan syor penamatan kepada JKPS. Seterusnya Pegawai Yang Dinamakan hendaklah melaksanakan penamatan kontraktor seperti mana yang ditetapkan di dalam kontrak/perjanjian. Keputusan JKPS hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat.
- (b) JKPS hendaklah melantik kontraktor penyiap dengan mematuhi peraturan berikut:
 - (1) Senarai Daftar Kontraktor
 - Pelantikan kontraktor penyiap hendaklah dilaksanakan secara tender terhad di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor yang telah di senarai pendek dan dipilih oleh JKPS daripada senarai daftar kontraktor yang disediakan oleh JKR berdasarkan pengalaman, keupayaan dan

prestasi kontraktor tersebut. Agensi hendaklah mengemukakan permohonan kepada JKR bagi mendapatkan senarai daftar kontraktor berkenaan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat JKPS. Agensi boleh mengemukakan cadangan nama kontraktor penyiap untuk tujuan tender terhadap kepada JKR bagi membolehkan JKR membuat tapisan, penilaian dan semakan. Nama kontraktor penyiap yang layak akan dimasukkan bersekali dalam senarai nama kontraktor penyiap bagi tender terhadap daripada JKR. Permohonan agensi hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pengarah Kanan,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 14, Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
No. 25, Jalan Raja Laut,
50582 KUALA LUMPUR
Tel : 03-2616 5555
Faks : 03-2693 8293
Emel : Bahan@jkr.gov.my

Bagi projek yang memerlukan kepakaran di luar bidang JKR, Agensi hendaklah merujuk kepada Agensi Teknikal yang berkaitan

(2) Gred Kontraktor

Penentuan gred kontraktor bagi tender terhadap tersebut hendaklah berdasarkan nilai keseluruhan kontrak asal projek.

(3) Keutamaan Kepada Kontraktor Tempatan

Keutamaan hendaklah diberi kepada kontraktor tempatan iaitu syarikat yang mempunyai alamat pendaftaran kontraktor dalam negeri yang berkenaan di mana projek dilaksanakan berdasarkan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

(4) Setuju Terima Tawaran Harga Kontraktor

JKPS boleh menyetujui terima dan memuktamadkan tawaran harga kontraktor penyiap yang tidak melebihi 15% daripada anggaran semasa nilai baki projek berdasarkan skop kerja asal.

(5) Skop Kerja bagi Tender Terhadap Projek Sakit

JKPS hendaklah memastikan skop kerja asal bagi projek dikekalkan bagi tender terhadap projek sakit.

(6) Perakuan JKPS kepada Kementerian Kewangan

Keputusan JKPS berhubung pelantikan kontraktor penyiap yang tidak sebulat suara atau melebihi had dan kuasa JKPS hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan.

- (c) Keputusan JKPS yang mengandungi maklumat projek sakit dan pelantikan kontraktor penyiap seperti format di [Lampiran 4.27](#) hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dalam tempoh lima (5) hari selepas mesyuarat JKPS diadakan. Agensi boleh merujuk [Lampiran 4.28](#) sebagai contoh pengisian keputusan JKPS berdasarkan format berkenaan.

10. Garis Panduan Penggunaan Khidmat Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja

(i) Kriteria Pelaksanaan

- (a) Kriteria-kriteria bagi melayakkan agensi Kerajaan memperolehi kemudahan perkhidmatan pengangkutan dan peralatan-peralatan berkaitan melalui Peruntukan Kerja-kerja Awalan (*preliminaries*) adalah seperti berikut:

(1) Penggunaan Khidmat Pengangkutan

- (i) Penggunaan khidmat pengangkutan adalah dibenarkan bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500,000 dan kenderaan jabatan sedia ada tidak mencukupi serta memenuhi salah satu kriteria seperti yang berikut:

- (a) Jalan masuk yang tidak berturap dan sukar dilalui dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda; atau
- (b) melibatkan pembinaan kompleks bangunan dan kawasan tapak bina yang luas (melebihi 40 ekar); atau

- (c) pembinaan projek berbentuk linear yang tidak ada akses di sepanjang jajarannya melebihi 1 km; atau
 - (d) melibatkan kawasan tapak bina yang sukar dilalui seperti berbukit bukau, berpayau dan sebagainya.
- (ii) Bilangan maksimum kenderaan yang dibenarkan bagi sesuatu kontrak kerja adalah seperti berikut:

Anggaran Harga Tender	Jenis Kenderaan	
	Kereta (4WD)	Motorsikal
Melebihi RM0.5 juta hingga RM1 juta	-	1
Melebihi RM1 juta hingga RM 3 juta	-	2
Melebihi RM3 juta hingga RM10 juta	1	2
Melebihi RM20 juta hingga RM 20 juta	2	3
Melebihi RM20 juta	3	3

- (iii) Projek kerja yang melebihi RM20 juta yang memerlukan kenderaan yang melebihi bilangan yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

(2) Kemudahan Komputer

- (i) Hanya komputer jenis *desk top* sahaja dibenarkan. Perolehan kemudahan penggunaan peralatan computer hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut:
 - (a) Hanya dibenarkan diperolehi menerusi kontrak yang dianggarkan bernilai lebih daripada RM500,000 sahaja;
 - (b) Sistem yang diperolehi haruslah menggunakan sistem pengoperasian semasa;
 - (c) Spesifikasi perkakasan dan perisian yang disediakan hendaklah setakat memenuhi keperluan tugas sahaja; dan

- (d) Bilangan maksimum kemudahan peralatan komputer yang dibenarkan bagi sesuatu kontrak kerja adalah seperti yang berikut:

ANGGARAN HARGA TENDER	BIL MAKSIMUM DIBENARKAN
Melebihi RM500,000 hingga RM2 juta	1
Melebihi RM 2 juta hingga RM10 juta	2
Melebihi RM10 juta hingga RM20 juta	3
Melebihi RM20 juta hingga RM50 juta	4
Melebihi RM50 juta	5

(3) Kemudahan Mesin Pendua

- (i) Kemudahan penggunaan mesin pendua adalah dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM5 juta sahaja; dan
- (ii) Hanya satu mesin pendua tidak melebihi keupayaan sederhana (*medium duty*) sahaja dibenarkan diperolehi di bawah sesuatu kontrak.

(4) Kemudahan Telefon

- (i) Kemudahan telefon bimbit hanya dibenarkan bagi projek yang terletak di kawasan yang tidak ada kemudahan khidmat telefon biasa; dan
- (ii) Bilangan telefon bimbit yang diperlukan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

(5) Kemudahan Khidmat Pengangkutan dan Peralatan-Peralatan Lain Yang Diperlukan

- (i) Kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan-peralatan lain yang diperlukan adalah dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan atau

Jawatankuasa yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. Justifikasi kukuh dan terperinci hendaklah disediakan.

(ii) Prosedur Mendapatkan Kelulusan

- (a) Pegawai yang menyediakan dokumen tender adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan mengambil tindakan seperti yang berikut:
- (1) Keperluan penggunaan khidmat pengangkutan dan keperluan peralatan yang sesuai;
 - (2) Bilangan pegawai dan kakitangan termasuk perunding (jika khidmat perunding digunakan) yang terlibat secara langsung dengan pengurusan projek; dan
 - (3) Mengemukakan permohonan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan atau Jawatankuasa yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.
- (b) Barangan buatan tempatan hendaklah diutamakan bagi perolehan khidmat pengangkutan dan peralatan berkaitan. Keperluan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam dokumen tender.

(iii) Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

- (a) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan boleh menurunkan kuasanya kepada Jawatankuasa Khas bagi mempertimbangkan permohonan tersebut. Perlantikannya hendaklah dibuat secara bertulis. Dalam apa keadaan sekalipun Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara ini.

(iv) Hak Milik Kenderaan Dan Peralatan

- (a) Kenderaan dan peralatan tersebut adalah hak milik kontraktor dan sentiasa di bawah kawalannya. Penyelenggaraan kenderaan dan peralatan tersebut adalah terletak di bawah tanggungjawab kontraktor berkenaan.
- (b) Agensi Kerajaan dikehendaki memulangkan semua peralatan tersebut kepada kontraktor berkenaan sebaik sahaja Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

- (c) Surat Aku Terima yang mencatatkan nombor siri alat-alat tersebut hendaklah diperolehi daripada kontraktor berkenaan.

(v) Senarai Inventori

- (a) Agensi Kerajaan dikehendaki menyediakan senarai inventori yang lengkap berkenaan peralatan tersebut. Senarai inventori tersebut hendaklah dipamirkan di pejabat tapak dan salinannya disimpan di pejabat agensi Kerajaan berkenaan.

11. Keperluan Memasukkan Elemen Service Level Agreement (SLA) Dalam Kontrak Bersama Pembekal Utiliti

- (i) Bagi memastikan pengalihan dan pembekalan utiliti dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Agensi, kontrak pembekalan utiliti yang ditandatangani hendaklah mengandungi elemen *Service Level Agreement* (SLA). Ini bagi memastikan tahap perkhidmatan yang dikehendaki seperti tempoh pemasangan yang perlu dipatuhi, prestasi yang ditetapkan, jaminan dan denda/penalti dimasukkan dalam klausa kontrak.
- (ii) Agensi dan pembekal utiliti hendaklah mengadakan rundingan mengenai elemen-elemen SLA yang dimasukkan sebagai sebahagian klausa kontrak dipersetujui bersama.

LAMPIRAN

SURAT NIAT

.....
.....
.....
.....
.....

Tuan,

.....
.....

Merujuk kepada tender *bekalan/perkhidmatan/kerja tuan yang tersebut di atas, Kerajaan Malaysia ingin memberitahu tuan bahawa pada amnya terma-terma tender tuan boleh diterima oleh Kerajaan.

2. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak dapat menerima tender tuan tanpa perbincangan/rundingan lanjut dengan tuan berhubung dengan terma-terma tertentu untuk kontrak yang dicadangkan itu, terutama terma-terma yang berkenaan dengan perkara-perkara berikut:

- *2.1 harga tender;
- *2.2 pembiayaan kontrak yang dicadangkan;
- *2.3 penyertaan tenaga kerja tempatan/Bumiputera;
- *2.4 pemindahan teknologi/latihan/guna tenaga tempatan;
- *2.5 terma-terma pembayaran;
- *2.6 kandungan tempatan - berhubung dengan misalnya bahan-bahan, ejen pengembaraan, pengangkutan, insurans dan lain-lain.
- *2.7

3. Bagi tujuan perbincangan/rundingan, Kerajaan bercadang untuk mengadakan mesyuarat di antara wakil-wakil Kerajaan dengan pihak tuan. Sila nyatakan secara rasmi persetujuan tuan untuk berbincang/berunding *dalam

tempoh hari daripada tarikh surat ini. Jika tuan bersetuju, tarikh mesyuarat akan ditetapkan kelak.

4. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak lain.

5. Surat ini hanyalah suatu surat niat dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima Kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan Pegawai)

* Potong jika tidak berkenaan

(Versi Bahasa Inggeris)

LETTER OF INTENT

.....
.....
.....
.....
.....

Dear Sir,

.....
.....

With reference to your tender for the above mentioned *Supply/Services /Works, the Government of Malaysia wishes to indicate to you that generally the terms of your tender are acceptable to the Government.

2. The Government however is unable to accept your tender without further discussion/negotiation with you in relation to other specific terms of the proposed Contract, in particular the terms relating to the following matters:

- *2.1 tender price;
- *2.2 financing of the proposed contract;
- *2.3 local/Bumiputera participation;
- *2.4 transfer of technology/training of locals;
- *2.5 terms of payment;
- *2.6 local content - in respect of eg. materials, travel, transportation, insurance etc.;
- *2.7

3. For the purpose of discussion/negotiation, the Government proposes to arrange a series of meeting between the Government's representatives and yourselves. Please indicate officially your agreement to discuss/negotiate *within

..... days from the date of this letter. If you do agree, the dates for the meeting will be determined later.

4. This letter is considered as a GOVERNMENT SECRET and cannot be made known to others.

5. This is a letter of intent and shall not be construed to bind the Government in any manner whatsoever.

Yours truly,

.....
(Signature of Officer)

* Delete if not applicable

**SURAT SETUJU TERIMA
(TENDER BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Rujukan : Pejabat :

Kepada : Tarikh :

.....
.....
.....
.....
(Kontraktor/Pembekal)

Tuan,

Tender Untuk
.....

*1. (A) Merujuk kepada tender tuan untuk *Pembekalan/Perkhidmatan yang tersebut di atas, Kerajaan Malaysia dengan sukacitanya memberitahu bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tender tuan.

*1. (B) Merujuk kepada tender tuan untuk *Pembekalan/Perkhidmatan yang tersebut di atas dan rundingan yang telah diadakan antara wakil-wakil Kerajaan dengan pihak tuan pada di yang mana telahpun dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa terma-terma sebagaimana yang terkandung dalam Lampiran bersama-sama ini dianggap sebagai menjadi sebahagian dari terma-terma tender dan yang terma-terma tendernya hendaklah, setakat memasukkan terma-terma yang terkandung dalam Lampiran itu, diubahsuaikan, dengan ini Kerajaan Malaysia dengan sukacitanya telah bersetuju menerima tender tuan sebagaimana yang diubahsuaikan.

2. Dengan penerimaan tender tuan oleh Kerajaan, tuan adalah dinasihatkan bahawa suatu ikatan Kontrak terwujud antara Kerajaan dengan tuan. Suatu Kontrak Rasmi akan disempurnakan kemudiannya dengan memasukkan semua terma tender sebagaimana yang diubahsuaikan. Tuan akan diberitahu oleh Kerajaan apabila Dokumen Kontrak siap sedia untuk ditandatangani oleh tuan.

3. Tuan adalah diingatkan bahawa mengikut *Syarat-syarat Tender, tuan adalah dikehendaki menyempurnakan perkara berikut:

*3.1 menandatangani dengan Kerajaan, suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans yang tak boleh batal daripada sebuah Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia dengan jumlah sebanyak RM..... yang merupakan lima peratus (5%) atau dua setengah peratus (2.5%) dari jumlah tender dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat ini;

*3.2 menandatangani dengan Kerajaan, Polisi Insurans dalam tempoh hari dan mengemukakan bagi tujuan pemeriksaan resit-resit bagi premium-premium yang telah dibayar.

*3.3

Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak-kehendak para 3 ini dalam tempoh masa yang dinyatakan, kecuali jika diabaikan dengan nyata oleh Kerajaan, akan menyebabkan penerimaan ini terbatal dan selepas itu Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada tuan.

*4. Tarikh permulaan sebagaimana yang disebutkan dalam syarat-syarat kontrak adalah pada tetapi tiada bekalan atau perkhidmatan di bawah kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan telah mematuhi peruntukan para 3 di atas.

5. Surat ini dihantar kepada tuan dalam *dua/tiga salinan. Sila kembalikan *Surat asal /dan salinan kedua setelah ditandatangani dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan kepada pejabat ini dalam tempoh hari dari tarikh surat ini dan satu salinan untuk simpanan tuan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

.....
(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh :

Jawatan :

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas, salinannya yang mana telah pun disimpan dan mengesahkan bahawa *tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam Jadual Dokumen Tender telah dikenakan dengan keluaran surat tersebut/kandungan para 1(B) di atas adalah merupakan keseluruhan tender yang bertandatangan di bawah ini.

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

Nama Penuh :

Alamat :
.....
.....
.....

Alamat :
.....
.....
.....

Meteri atau Cop Kontraktor

Tarikh :

Tarikh :

*Potong/Ubahsuai/Tambah di mana perlu

(Versi Bahasa Inggeris)

**LETTER OF ACCEPTANCE
(SUPPLY/SERVICES)**

.....
.....

.....
.....
.....
.....

Dear Sir,

.....
.....

*1. (A) With reference to your tender for the above mentioned *Supply/Services, the Government of Malaysia hereby is pleased to inform you that the Government has agreed to accept your tender.

*1. (B) With reference to your tender for the above mentioned *Supply/Services, and negotiations held between the Government's representatives and yourselves on the at whereby it was agreed by both parties that the terms as contained in the Annexure hereto be deemed to be part of the terms of tender and which terms of tender shall, to the extent of incorporating the terms as contained in the Annexure, be modified, the Government of Malaysia hereby is pleased to inform your that the Government has agreed to accept your tender as modified.

2. With the Government's acceptance of your tender you are advised that there is now a binding Contract between the Government and yourselves. A formal Contract will subsequently be executed incorporating all the terms of tender as modified. You will be notified by the Government when the Contract Documents are ready for your signature.

3. Please be reminded that in accordance with the *Conditions of Tendering your are required to do the following:

*3.1 to deposit with the Government, a Performance Bond in the form of an irrevocable Bank Guarantee/Finance Company's Guarantee/ Insurance Guarantee from a Bank/Finance Company /Insurance Company established in Malaysia in the amount of being two and a half percent (2.5%) or five percent (5%) of the Tender Sum within fourteen (14) days from the date of this letter;

*3.2 to deposit with the Government, Insurance Policies and within from the date of this letter and to produce for inspection of receipts for the premium paid;

*3.3

Any failure to comply with the requirements of paragraph 3 within the stipulated time, unless expressly waived by the Government, will render this acceptance revoked and thenceforth the Government shall not be liable to you in any way whatsoever.

*4. The date for supply/services, as referred to in the Conditions of Contract, shall be but no supply/services under this Contract shall commence unless and until you have complied with the provision of paragraph 3 above.

*5. This letter is sent to your in *duplicate/triplicate. Please return *original/and second copies duly signed and witnessed where indicated to this office within days from the date of this letter and retain one copy.

Yours truly,

.....
(Signature of Officer)

Name in Full :

Designation :

The undersigned hereby acknowledges receipt of the above letter, a copy of which has been retained and confirms that *no terms, conditions or stipulations additional to those contained in the Tender Table Documents have been imposed by the issue of the said letter/the contents of paragraph 1(B) above constitutes the totality of the undersigned's tender.

.....
Signature Of Contractor

.....
Signature of Witness

Name in Full :

Name in Full :

Address :
.....
.....
.....

Address :
.....
.....
.....

Contractors' seal or chop

Date :

Date :

*Delete/Modify/Add Wherever Necessary

LAMPIRAN 4.3

(JKR 203D – Pind.1/2011)

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA

SURAT SETUJUTERIMA TENDER

Rujukan :
Pejabat :
.....
.....
Tarikh:

Kepada:
.....
.....
.....
(Kontraktor)

(Berdaftar dengan PKK dalam Kelas “ “
Bertaraf Bumiputra/Bukan Bumiputra”)

Tuan,

Tender untuk

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit: iaitu RM Disetujuterima, tertakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender yang menjadi asas Tender ini dan juga had serta syarat yang dinyatakan di dalam surat ini.

2. Tuan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, Tender tuan berserta Surat Setujuterima Tender ini akan menjadi kontrak yang sah mengikat di antara tuan dan Kerajaan.

3. Bersama surat ini dikembalikan pelarasan harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan, setelah diteliti dan diselaraskan oleh Kerajaan tentang kemunasabahannya menurut klausa 26.2 syarat-syarat kontrak, yang mana akan menjadi sebahagian daripada terma-terma kontrak. Untuk makluman tuan, Jumlah Harga Kontrak seperti di atas adalah kekal dan tidak berubah.

*Batalkan mana yang tidak berkenaan

(JKR 203D – Pind. 1/2011)

Rujukan Surat:
Nama Projek :

4. Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Pelaksanaan sama ada:-
- (i) Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan); atau
 - (ii) Jaminan Syarikat Kewangan; atau
 - (iii) Jaminan Insurans/Takaful; atau
 - (iv) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) Jumlah Harga Kontrak.

5. Sekiranya tuan memilih kaedah di para 4(i), 4(ii) atau 4(iii), tuan hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan bernilai RM dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan.

6. Tarikh milik tapak bina, seperti yang disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak, ialah pada Walau bagaimanapun, tuan hanya boleh memulakan kerja setelah tuan menyerahkan kepada Pegawai Penguasa perkara-perkara berikut:-

(a) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada RM

(b) Polisi Insurans Kerja: RM

(c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Walaupun bagaimanapun, bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Nota-nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Penguasa. Tuan dikehendaki menyerahkan Polisi-polisi Insurans yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 6 di atas, dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota-nota Liputan diserahkan.

7. Kegagalan tuan memulakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak akan mengakibatkan pengambilan kerja tuan di bawah kontrak ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-syarat Kontrak.

8. Pihak tuan juga dikehendaki untuk mengemukakan senarai nama-nama subkontraktor berserta pengalamannya dengan menyatakan bahagian-bahagian kerja yang terlibat kepada Pegawai Penguasa sebelum memulakan kerja di tapak bina untuk kelulusan. Sejajar dengan klausa 47.1 Syarat-syarat kontrak PWD 203/203A(Rev.2007/Rev.1/2010) tuan tidak boleh mengsub-kontrakkan keseluruhan kerja ataupun sebahagian tanpa kelulusan Pegawai Penguasa terlebih dahulu. Sekiranya Pegawai Penguasa meluluskan permohonan tuan untuk mengsub-kontrakkan sebahagian kerja atau keseluruhan kerja, kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada kontraktor mengikat perjanjian penyerahan hak (*Deed of Assignment*) dengan subkontraktor terlebih dahulu.

*Batalan mana yang tidak berkenaan

9. Pihak tuan dikehendaki untuk mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti yang dikepilkan kepada surat ini dan hendaklah mengembalikannya berserta dengan Surat Setujuterima Tender yang ditandatangani oleh pihak tuan kepada pejabat ini. Surat Akuan Pembida Berjaya tersebut, setelah ditandatangani akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

10. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selama hari/minggu/bulan*, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah

11. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua (2) salinan. Sila nyatakan persetujuan tuan dengan mengembalikan salinan asal, yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat ini

.....
(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh:.....

Nama Jawatan :.....

Untuk dan bagi pihak Kerajaan.

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan syarat-syarat di atas termasuk pelarasan harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan; dan mengaku penerimaan surat di atas dan salinannya telah disimpan.

.....
Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh:.....

Atas Sifat:.....

diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak:

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

Tarikh:

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Jawatan:

Alamat:.....

.....
.....

Tarikh:.....

*Batalan mana yang tidak berkenaan

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan

Ketua Penolong Setiausaha
Cawangan Pembangunan Usahawan Negeri
Kementerian Kerja Raya

Akauntan Perbendaharaan

Pengarah,
Cawangan Pengurusan Korporat,
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah Cawangan
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.
(u.p: Urusetia Tender)

Pengarah JKR,
Negeri

Pengarah,
Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Kerja Raya

Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri

Penolong Pengarah Kanan,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.
Cawangan Negeri

*Batalkan mana yang tidak berkenaan

Rujukan Surat:
Nama Projek :

(JKR 203D – Pind. 1/2011)

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi membekal/menyerah/melaksana/menyiap, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakui janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk)
dan bagi pihak Penjamin)	Nama :
di hadapan)	Jawatan :
)	Cop Bank/Syarikat Kewangan
		/Syarikat Insurans:

.....
(Saksi)

Nama :
Jawatan :
Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans :

(Versi Bahasa Inggeris)

**BANK/FINANCE COMPANY'S/INSURANCE
GUARANTEE FORM FOR PERFORMANCE BOND
(SUPPLY/SERVICES)**

1. In consideration of the Government of Malaysia (hereinafter referred to as the "Government") allowing (hereinafter referred to as the "Contractor") to supply and deliver to the Government (hereinafter referred to as the "Articles") for a contract sum of (Ringgit Malaysia : (state the amount in words) (RM), WE, the undersigned at the request of the Contractor irrevocably undertake a guarantee to the Government that:

The Guarantor has agreed to guarantee the due performance of the Contract in the manner hereinafter appearing.

Now the Guarantor hereby agrees with the Government as follows:

1. On the Government's first written demand, the Guarantor shall forthwith pay to the Government the amount specified in such demand notwithstanding any contestation or protest by the Contractor or Guarantor or by any other third party and without proof or conditions, provided always that the total of all demands so made shall not exceed the sum of (Ringgit Malaysia: (state the amount of bond in words) (RM)) and the total amount recoverable against the Guarantor under this Agreement shall not exceed the said sum.

2. The Government reserves the right to make any partial demands if it shall so desire and the total of all such partial demands so made shall not exceed the sum of (Ringgit Malaysia: (state the amount of bond in words) (RM)) and the liability of the Guarantor to pay the Government the aforesaid shall correspondingly be reduced proportionate to any payment of partial demand having been made by the Guarantor.

3. The Guarantor shall not be discharged or released from this Guarantee by any arrangement between the Contractor and the Government with or without the consent of the Guarantor or by any alteration in the obligation undertaken by the Contractor or by any forbearance, whether as to payment, time, performance or otherwise.

4. The Guarantee given by the Guarantor is a continuing guarantee. This Agreement shall be irrevocable and shall initially remain in force and effect until (hereinafter referred to as the "Initial Expiry Date") being the end of a

period of twelve (12) calendar months after either the expiry date of the Contract or the last delivery/shipment/consignment of the Articles whichever is later. The Guarantor shall, upon the request of the Government, extend the Initial Expiry Date of this guarantee for a further period of one (1) calendar year from the Initial Expiry Date (hereinafter referred to as the "Extended Expiry Date") and the Guarantee shall be so extended. The maximum aggregate amount that the Government shall be entitled to under this Agreement shall not exceed the said Sum of (Ringgit Malaysia : (state the amount of bond in words)(RM).

5. All whatsoever obligations and liabilities of the Guarantor under this Agreement shall cease upon the determination of this Agreement on the Initial Expiry Date or the Extended Expiry Date as the case may be such to the extent that the Government shall previously have called upon the Guarantor in writing to pay specified moneys payable under the Contract then remaining outstanding.

6. ALL CLAIMS, IF ANY, IN RESPECT OF THIS GUARANTEE MUST BE RECEIVED BY THE BANK/FINANCE COMPANY/INSURANCE COMPANY DURING THE VALIDITY PERIOD OF THIS GUARANTEE OR WITHIN FOUR (4) WEEKS FROM THE EXPIRY DATE OF GUARANTEE WHICHEVER IS THE LATER.

IN WITNESS WHEREOF the parties hereto have hereunto set their hands the day and year first abovewritten.

Signed for and behalf of the)
said Guarantor in the presence of) Name :
Designation :
Bank/Finance Company/
Insurance Company:

.....
(Witness)

Name :
Designation :
Bank/Finance Company/Insurance Company

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK KERJA)**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi (namakan projek), (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendaknya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakui janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut

“Tarikh Mati Asal”) (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan dimana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut “Tarikh Mati Lanjutan”) (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk)
dan bagi pihak Penjamin)	Nama :
di hadapan)	Jawatan :
)	Cop Bank/Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans

.....
(Saksi)

Nama :
Jawatan :
Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans :

(Versi Bahasa Inggeris)

**BANK/FINANCE COMPANY'S/INSURANCE GUARANTEE
FORM FOR PERFORMANCE BOND
(WORKS)**

1. In consideration of the Government Of Malaysia (hereinafter referred to as the "Government") allowing (hereinafter referred to as the "Contractor") to (state title of the project) for a contract sum of (RM), WE, the undersigned at the request of the Contractor irrevocably undertake a guarantee to the Government that:

The Guarantor has agreed to guarantee the due performance of the Contract in the manner hereinafter appearing.

Now the Guarantor hereby agrees with the Government as follows:

1. On the Government's first written demand, the Guarantor shall forthwith pay to the Government the amount specified in such demands notwithstanding any contestation or protest by the Contractor or Guarantor or by any other third party and without proof or conditions. Provided always that the total of all demand so made shall not exceed the sum of Ringgit Malaysia (state the amount of bond in words) (RM) and the total amount recoverable against the Guarantor under this Agreement shall not exceed the said sum.

2. The Government reserves the right to make any partial demands if it shall so desire and the total of all such partial demands so made shall not exceed the sum of Ringgit Malaysia (state the amount of bond in words) (RM) and our liability of the Guarantor to pay the Government the aforesaid shall correspondingly be reduced proportionate to any payment of partial demands having been made by the Guarantor.

3. The Guarantor shall not be discharged or released from this Guarantee by any arrangement between the Contractor and the Government with or without the consent of the Guarantor or by any alteration in the obligations undertaken by the Contractor or by any forbearance, whether as to payment, time, performance or otherwise.

4. The Guarantee given by the Guarantor is a continuing guarantee. This Agreement shall be irrevocable and shall initially remain in force and effect until (hereinafter referred to as the "Initial Expiry Date") being the end of a

period of twelve (12) calendar months after the expiry date of the defects liability period as stated in the Contract or in the case of the Contract being determined, one (1) calendar year after the date of determination. The Guarantor shall, upon the request of the Government, extend the Initial Expiry Date of this guarantee for a further period of one (1) calendar year from the Initial Expiry Date (hereinafter referred to as the "Extended Expiry Date") and the Guarantee shall be so extended. The maximum aggregate amount that the Government shall be entitled to under this Agreement shall not exceed the said Sum of Ringgit (state the amount of bond in words) (RM)

5. All whatsoever obligation and liabilities of the Guarantor under this Agreement shall cease upon the determination of this Agreement on the Initial Expiry Date or the Extended Expiry Date as the case may be said to the extent that the Government shall previously have called upon the Guarantor in writing to pay specified moneys payable under the Contract then remaining outstanding.

6. ALL CLAIMS, IF ANY, IN RESPECT OF THIS GUARANTEE MUST BE RECEIVED BY THE BANK/FINANCE COMPANY/INSURANCE COMPANY DURING THE VALIDITY PERIOD OF THIS GUARANTEE OR WITHIN FOUR (4) WEEKS FROM THE EXPIRY DATE OF THIS GUARANTEE WHICHEVER IS THE LATER.

IN WITNESS WHEREOF the parties hereto have hereunto set their hands the day and year first abovewritten.

Signed for and on behalf of the)
said Guarantor in the presence of)
Name :
Designation :
Bank/Finance Company
/Insurance Company:

.....
(Witness)

Name :
Designation :
Bank/Finance Company/Insurance Company

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(SUB KONTRAKTOR DINAMAKAN)**

Perjanjian ini telah dibuat pada haribulan 200..... DI ANTARA (masukkan nama bank/syarikat kewangan/syarikat insuran) (masukkan alamat utama bank/syarikat kewangan/syarikat insuran) (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") sebagai satu pihak dan (masukkan nama kontraktor utama) (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") sebagai satu pihak lain.

Di MANA

- (i) Perjanjian ini kepada Sub Kontraktor Dinamakan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Sub Kontraktor Dinamakan") bertarikh haribulan 200..... dan dibuat di antara (masukkan nama Sub Kontraktor Dinamakan) (masukkan alamat utama Sub Kontraktor Dinamakan) (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Sub Kontraktor Dinamakan") sebagai satu pihak dan Kontraktor sebagai satu pihak lain di mana Sub Kontraktor Dinamakan bersetuju dan
- (ii) Penjamin bersetuju untuk menjamin

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kontraktor seperti berikut:

- (i) Jika Sub Kontraktor Dinamakan (kecuali dibebaskan daripada pelaksanaan oleh mana-mana klausa 1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika

dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

- (ii) Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Sub Kontraktor Dinamakan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Sub Kontraktor Dinamakan atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya, tetapi Penjamin hendaklah
- (iii) Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan dimana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM).
